

Tarikh dibaca: 24 Ogos 2018M / 12 Zulhijjah 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MENANGANI LGBT”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“MENANGANI LGBT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَوْ طَآءِذًا قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ
مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ
الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan sekalian,

Marilah kita bersama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk “**MENANGANI LGBT**”.

¹ Al-A'raf : 80-81.



Mutakhir ini, kita dapati satu gerakan songsang yang menyalahi hukum-hakam agama Islam yang semakin berani ke hadapan dalam menuntut hak bagi ahli-ahlinya. Gerakan ini atas nama LGBT iaitu singkatan bagi *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* adalah amat menggusarkan kerana ianya ditakuti boleh mempengaruhi dan meresapi ke dalam diri lebih ramai orang Islam jika tidak dibendung dan dicegah.

Dari segi pengertian, Lesbian ialah perempuan yang melakukan hubungan seks sesama perempuan. Gay pula ialah lelaki yang membuat hubungan seks sesama lelaki. Biseksual pula ialah lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki dan perempuan. Begitu juga wanita yang melakukan seks dengan lelaki dan perempuan. Manakala Transgender pula ialah lelaki yang merasakan dia seorang wanita dan wanita merasakan dia seorang lelaki dan kadang-kadang menukar alat jantinya melalui pembedahan.

Dalam sejarah, kehidupan LGBT ini bukanlah suatu yang baharu. Ia sudah pun wujud sejak zaman Nabi Luth AS lagi sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf ayat 80-81 yang dibacakan di awal khutbah ini yang bermaksud:

"Dan Nabi Luth juga (Kami utuskan), ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas".

Oleh itu dalam Islam, LGBT adalah perbuatan mungkar yang dilaknat dan diharamkan oleh Allah SWT samada dilakukan secara terus terang atau



sembunyi. LGBT juga merupakan perbuatan dosa besar dan terkutuk yang menyalahi hak kemuliaan seseorang manusia kerana menafikan hak berhubungan melalui perkahwinan yang sah dan diiktiraf oleh syarak sebagai suami isteri.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Syuara' ayat 165-166:

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ
مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

"Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia. Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (Kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)!".

Manakala dalam hadis pula yang menunjukkan kemungkaran LGBT ialah, Abu Hurairah Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Ada empat golongan manusia, mereka berpagi dalam kemurkaan Allah, dan mereka berpetang juga dalam kebencian Allah Taala. Para sahabat bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab, mereka itu ialah orang lelaki yang menyerupai perempuan, orang perempuan yang menyerupai lelaki, orang yang menyetubuhi binatang atau minta disetubuhi binatang dan lelaki yang menyetubuhi lelaki."

(Riwayat al-Tabrani dan Baihaqi).



Perbuatan yang terkutuk ini bukan sahaja dilarang dan diharamkan malah langkah-langkah awal ke arah itu juga dilarang sebagaimana Rasulullah SAW menegaskan dalam sabdanya yang bermaksud:

"Tidak boleh seseorang lelaki melihat lelaki yang lain dan tidak boleh seseorang wanita melihat aurat wanita yang lain. Tidak boleh seorang lelaki menyentuhkan badannya kepada badan lelaki yang lain di dalam satu selimut dan tidak boleh seorang wanita menyentuhkan badannya kepada badan wanita yang lain dalam satu selimut".

(Riwayat Muslim).

Hadirin Jumaat yang dihormati,

Menurut statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pada tahun 2013 sahaja sebanyak 3 peratus daripada rakyat Malaysia didapati terlibat dalam gejala LGBT iaitu bersamaan lebih kurang 173,000 orang.

Angka yang memmeranjatkan ini sudah semestinya akan terus meningkat dari tahun ke tahun jika tiada sebarang tindakan dan usaha proaktif dilakukan oleh pihak yang berwajib dalam menangani isu ini secara berkesan.

Untuk makluman juga, berdasarkan laporan Sektor HIV/STI, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, sebanyak 3,347 kes HIV baru telah dicatatkan pada tahun 2017 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,697 kes adalah melibatkan individu yang mengamalkan tabiat seks songsang seperti homoseksual dan biseksual (LGBT).

Selain itu, penularan virus tersebut dalam kalangan mereka yang homoseksual dan biseksual semakin meningkat dari tahun ke tahun dengan



63 kes pada tahun 2000 kepada 1,553 kes pada tahun 2016 dan 1, 697 kes pada tahun lepas.

Dalam menangani isu LGBT ini, pihak JAIS khususnya Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan menjalankan tindakan berdasarkan peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 1995 sedia ada seperti peruntukan Seksyen 27 bagi kesalahan hubungan jenis bagi orang yang sama jantina, Seksyen 28 bagi kesalahan persetubuhan luar tabii dan Seksyen 30 bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan.

Bagi tempoh bermula tahun 2015 hingga tahun 2018, sebanyak 30 aduan direkodkan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan sebelum ini dan daripada jumlah tersebut sebanyak 7 tangkapan telah dilakukan oleh pihak penguatkuasa JAIS.

Walaupun jumlah aduan dan tangkapan berkaitan golongan LGBT ini tidak tinggi, tetapi ia bukan bermaksud kegiatan yang tidak bermoral ini boleh dipandang enteng dan sambil lewa. Suatu kesalahan tetap suatu kesalahan tidak kira besar atau kecilnya kesalahan tersebut.

Ini kerana jika perbuatan terkutuk dan dosa besar ini dilakukan juga serta masih berleluasa, maka tidak mustahil Allah akan menurunkan hukuman dan azab sebagaimana yang berlaku ke atas kaum Nabi Luth Alaihis Salam. Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 82-83:

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً
مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ ﴿٨٢﴾ مُسَوِّمَةً عِنْدَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ مِنْ
الظَّالِمِينَ بِبَعِيدٍ ﴿٨٣﴾



“Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Luth itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada dimuka buminya) dan Kami menghujannya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka, dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim itu.”

Oleh itu, golongan LGBT adalah dinasihatkan supaya menginsafi dan bertaubat dan menghayati tujuan sebenar kehidupan di dunia ini sebagaimana Allah berfirman dalam surah al-An'am ayat 162:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Sesungguhnya sembahyangku dan ibadahku dan hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”

Untuk memberikan kebajikan dan kasih sayang kepada LGBT yang bertaubat dan insafi, maka Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang pada 14 Mei 2012 telah memutuskan Fatwa Jenis Penerima Zakat Asnaf Al Riqab Negeri Selangor adalah termasuk golongan ini. Di dalam fatwa tersebut telah dinyatakan mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan layak menerima bantuan zakat asnaf Al Riqab melalui perantaraan mana-mana institusi atau NGO Islam yang berfungsi memulih golongan LGBT ini agar dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati tausiah berikut:



1. Umat Islam hendaklah menyakini Allah Amat Mengasihani kepada hamba-Nya yang beriman dan Amat murka kepada hamba-Nya yang derhaka.
2. Umat Islam wajib merasa jijik dan jengkel terhadap sebarang perbuatan yang dikutuk oleh Allah dan Rasul-Nya..
3. Umat Islam wajar berusaha membantu orang-orang yang ingin berhijrah kembali ke jalan yang diredhai Allah..

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَئِكَ لَهُمْ
عُقُوبَةُ الدَّارِ

"Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat".

(al-Ra'd : 22).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Halem/Nurul
07.08.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَ عَهْدِ سَلَاطُورٍ، تَعْكُو
أَمِيرِ شَاهٍ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bujukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
